



Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 ( 27 )

Tarikh : 26 September 2022

## **NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 7/2022**

### **Semua Pelajar**

Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru  
Johor

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,*

### **PENDAFTARAN MASUK PELAJAR KANAN KE KOLEJ KEDIAMAN BAGI SEMESTER 1 SESI 2022/2023**

Sesi akademik bagi Semester 1 Sesi 2022/2023 akan bermula pada 16 Oktober 2022. Sehubungan itu, berikut merupakan garis panduan bagi pendaftaran masuk ke kolej kediaman pelajar.

#### **1.0 Perpindahan dari Kolej Kediaman / Bilik Sementara ke Penempatan Sesi 2022/2023**

- 1.1 Pelajar yang menginap sementara di kolej kediaman / bilik sementara perlu berpindah ke penempatan kekal seperti yang dipohon melalui sistem [hostel.utm.my](http://hostel.utm.my) bermula 25 September 2022 kecuali bagi kolej yang masih dalam proses persediaan dan tidak dapat menerima pendaftaran masuk (perlu merujuk kolej).
- 1.2 Maklumat lokasi penginapan yang ditawarkan boleh dirujuk pada sistem [hostel.utm.my](http://hostel.utm.my) bagi yang mohon melalui sistem manakala email kelulusan bagi yang memohon melalui email.
- 1.3 Pelajar perlu menginap di bilik / kolej yang dinyatakan di dalam sistem hostel atau email sehingga tarikh permohonan pertukaran bilik / kolej dibuka.
- 1.4 Tarikh pertukaran bilik atau kolej kediaman yang dibenarkan adalah seperti berikut:

TARIKH	CAJ YURAN PERKHIDMATAN	CAJ PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN
16 Oktober 2022 – 27 Oktober 2022	Tiada Caj	Mengikut kadar jenis bilik
30 Oktober 2022 – 23 Febuari 2023	Pertukaran Bilik = RM25.00 Pertukaran Kolej = RM50.00	Berdasarkan kepada caj sewaan tertinggi

## 2.0 Pertukaran Lokasi Penginapan Pelajar Siswi bagi Kelulusan Permohonan di Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)

- 2.1 Dukacita dimaklumkan bahawa Blok XC2 KDOJ yang merupakan penempatan bagi pelajar siswi tidak dapat disiapkan kerja-kerja naik taraf mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 2.2 Oleh yang demikian, pelajar siswi yang telah mendapat kelulusan **permohonan di KDOJ perlu berpindah ke Kolej Tun Fatimah (KTF) bermula dari 25 September 2022.**
- 2.3 Pelajar siswi KDOJ akan ditempatkan di **Blok H25, KTF** bagi **tempoh satu (1) semester sahaja.**
- 2.4 Pelajar perlu berpindah ke Blok XC2, KDOJ pada cuti semester 1 sesi 2022/2023 bagi memberi laluan pula kerja-kerja naik taraf di Blok H25, KTF.
- 2.5 Jenis bilik yang di tawarkan di KTF adalah sama seperti yang ditawarkan di KDOJ namun pelajar boleh membuat pertukaran tetapi tertakluk kepada kekosongan.

## 3.0 Urusan Permohonan Kolej Kediaman

### 3.1 Proses Permohonan Kolej Kediaman Bagi Prasiswazah Tempatan

- 3.1.1 Pemohon merupakan pelajar prasiswazah tempatan Universiti Teknologi Malaysia berstatus aktif **tetapi masih tidak mempunyai kolej kediaman.**
- 3.1.2 Perlu membuat permohonan melalui email ke alamat [asrama@utm.my](mailto:asrama@utm.my) dan keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui email.
- 3.1.3 Pelajar yang telah memohon kolej kediaman melalui sistem hostel sebelum ini dan nama mereka ada di dalam sistem tersebut, permohonan itu dianggap **berjaya.**

- 3.1.4 Mana-mana pelajar yang **menolak untuk menginap di kolej kediaman** setelah ditawarkan penginapan melalui sistem hostel atau email perlu membuat permohonan melalui email ke kolej kediaman masing-masing sebelum **9 Oktober 2022** untuk pihak kolej buang/padam nama dari senarai penghuni kolej kediaman.
- 3.1.5 Pelajar yang telah **memohon kolej kediaman tetapi tidak** mengambil kunci atau **mendaftar masuk tetap perlu membayar caj kolej kediaman** yang telah didebitkan ke dalam akaun masing-masing.

### 3.2 Proses Permohonan Kolej Kediaman bagi Pascasiswazah dan Antarabangsa

- 3.2.1 Pelajar pascasiswazah dan antarabangsa boleh membuat permohonan kolej kediaman **bermula 1 November 2022** tertakluk kepada kekosongan di setiap kolej kediaman.
- 3.2.2 Permohonan boleh dibuat dengan menghantar email ke [asrama@utm.my](mailto:asrama@utm.my).
- 3.2.3 Permohonan awal sebelum 1 November 2022 tidak akan diproses bagi mengutamakan permohonan pelajar prasiswazah tempatan.
- 3.2.4 Pelajar boleh memohon KLG Campus Residence dan Scholars Inn sebagai alternatif penginapan **sekiranya tiada lagi kekosongan di kolej kediaman**. Berikut adalah maklumat berkaitan KLG Campus Residence dan Scholars Inn:-

**KLG Campus Residence**  
 Jalan Rotan, Taman Sri Pulai,  
 81110 Johor Bahru.  
 Tel : 012-7913988  
<https://www.klgresidence.com>

**Scholar's Inn**  
 Universiti Teknologi Malaysia,  
 81310 UTM Skudai, Johor.  
 Tel : +607553 5197 / 6695  
 Facebook: Scholar's Inn UTM

## 4.0 Pendaftaran Masuk dan Pengambilan Kunci

- 4.1 Jadual pengambilan kunci bilik di pejabat kolej kediaman adalah seperti berikut:

TARIKH	MASA	CATATAN
<b>14 Oktober 2022 (Jumaat)</b>	9.00 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 5.00 petang	Caj tambahan sehari akan dikenakan
<b>15 Oktober 2022 (Sabtu)</b>	9.00 pagi – 1.00 petang 2.30 petang – 5.00 petang	Caj satu (1) semester (132 hari)

- 4.2 Pelajar yang ingin mendaftar masuk selain daripada waktu yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan daripada pihak kolej kediaman masing-masing terlebih dahulu (sila rujuk **Lampiran 1**).
- 4.3 Pelajar perlu mengisi borang inventori bilik dan menyerahkan kembali kepada pihak kolej kediaman mengikut tempoh yang ditetapkan. Kegagalan menyerahkan kembali borang tersebut dianggap bahawa kelengkapan di bilik tersebut adalah baik dan lengkap. Segala kerosakan selepas tamat tempoh penyerahan borang adalah tanggungjawab pelajar.

## **5.0 Kadar Sewa Bilik Kolej Kediaman**

- 5.1 Kadar sewa bilik mengikut kolej kediaman adalah seperti di **Lampiran 2**
- 5.2 Pelajar yang berjaya dalam permohonan kolej kediaman melalui sistem hostel, caj kolej kediaman akan didebitkan secara automatik ke dalam akaun pelajar. Jumlah caj yang didebit adalah bagi tempoh satu (1) semester pengajian dan mengikut kadar bilik yang ditetapkan.

## **6.0 Hal-Hal Lain**


- 6.1 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran atau kelulusan.
- 6.2 Tindakan tatatertib juga akan diambil terhadap pelajar yang menginap tanpa kebenaran serta gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.
- 6.3 Pelajar yang mendiami asrama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.

Sekian, terima kasih

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**ARIFFIN BIN BASSERANY**  
Ketua Unit Residen  
Seksyen Pengurusan Perniagaan  
Bahagian Pengurusan Aset  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
UTM Johor Bahru

## MAKLUMAT KOLEJ KEDIAMAN UNTUK DIHUBUNGI

Kolej	Emel	No. Telefon
Kolej Rahman Putra (KRP)	krp@utm.my	07-5537242
Kolej Tun Fatimah (KTF)	ktf@utm.my	07-5537255
Kolej Tun Razak (KTR)	ktr@utm.my	07-5530542
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	ktho@utm.my	07-5532151
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	ktdi@utm.my	07-5531951
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	ktc@utm.my	07-5535658
Kolej Perdana (KP)	pejabatkolejperdana@utm.my	07-5536609
Kolej 9&10 (K9&10)	kolej910@utm.my	07-5535015
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	kdse@utm.my	07-5537702
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	kdoj@utm.my	07-5537708

**SENARAI KOLEJ KEDIAMAN YANG DITAWARKAN DAN KADAR SEWA KOLEJ  
KEDIAMAN SEMESTER 1 SESI 2022/2023**

Kolej	Gender	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari		
			Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa	Pelajar IDP UTMSPACE
Kolej Rahman Putra (KRP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Fatimah (KTF)	Siswi	Seorang	RM 6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Razak (KTR)	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	Siswi	Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00	RM20.00
	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	Siswa dan siswi	Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00	RM20.00
	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM15.00	RM12.00
	Siswi	Berdua (Blok MA)	RM 5.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa dan siswi	Berdua	RM 4.00		
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Perdana (KP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej 9 & 10 (K9&10)	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	Siswa dan siswi	Seorang	RM 6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Siswa	Seorang	RM 6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM 4.00	RM10.00	RM8.00